

16/08/1999

Lebih baik serahkan dokumen

SEWAJARNYALAH Presiden Parti Keadilan Negara (Keadilan), Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail membela dan mempertahankan suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didakwa mencuri dan menyeludup dokumen rahsia kerajaan. Jika tidak Azizah, siapa lagi yang lebih layak mempertahankan Anwar. Tetapi, cara beliau membela suaminya itu memakan diri. Wan Azizah sebenarnya mengesahkan bahawa Anwar memang menyimpan dokumen berkenaan. Malah, beliau juga mengesahkan bahawa dokumen yang mungkin ada yang masih menjadi rahsia kerajaan itu disimpan ketika Anwar masih dalam kerajaan.

Sepatutnya dokumen berkenaan diserahkan semula kepada kerajaan kerana ia adalah milik negara. Malah, Wan Azizah sendiri menjelaskan bahawa Anwar mempunyai sesuatu tujuan menyimpan dokumen itu. Walauapa pun sekali alasannya, tindakan menyimpan dokumen berkenaan adalah satu kesalahan. Jika mendakwa mahu membongkar apa juga kelemahan pihak lain sekali pun, dari segi undang-undang memiliki dokumen itu sudah pun melakukan kesalahan. Kesalahan pihak lain tentunya memerlukan bukti dan penyiasatan rapi. Kenyataan Wan Azizah itu mungkin boleh memerangkap Anwar yang boleh dituduh melanggar Kanun Keseksaan dan Akta Rahsia Rasmi (OSA) 1973. Hukumannya adalah berat. Pembelaan Wan Azizah itu lebih menampakkan bahawa Anwar adalah seorang pemimpin yang tidak amanah. Apakah ketika masih memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, Anwar memakai dua topi - satu sebagai pemimpin negara dan satu lagi sebagai ejen mengumpul rahsia negara. Jika beliau benar-benar jujur, beliaulah sepatutnya membetulkan keadaan jika mengesyaki berlaku sebarang kepincangan. Tetapi, dalam ucapan-ucapannya ketika masih dalam kerajaan, beliau sering mempertahankan tindakan dan keputusan kerajaan. Hanya selepas dilucutkan jawatan, segala kebaikan kerajaan dinafikan. Apakah rakyat sudah lupa bahawa di saat-saat akhir sebelum beliau ditahan, Anwar masih memuji kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Hanya selepas dilucutkan jawatan dalam kerajaan dan Umno, barulah beliau melancarkan serangan memburuk-burukan kerajaan dan Dr Mahathir.

Apapun persoalannya, apakah Anwar sendiri tidak terbabit dalam keputusan yang membabitkan kerajaan?. Dengan membuat tuduhan selepas tidak lagi berkuasa, jelas menampakkan beliau adalah seorang yang tidak mempunyai pendirian. Prinsip hidupnya juga boleh dipersoalkan.

Rakyat bertambah keliru dengan kenyataan Ketua Pemuda Keadilan, Mohamad Ezam Mohd Nor yang mengatakan bahawa dokumen yang diterima Anwar datangnya daripada puluhan pegawai kerajaan. Menurutny, dokumen-dokumen itu diterima setelah Anwar dilucutkan jawatannya. Apakah Ezam berpendapat dengan berbuat demikian beliau ingin memberitahu bahawa pegawai kerajaan menyokong Anwar. Ezam sebenarnya salah perhitungan. Wan Azizah bercakap dengan nada yang berbeza, Ezam pula dengan nada yang lain. Kenyataan siapakah yang boleh dipercayai?.

Ezam mungkin berpendapat bahawa dengan mengaitkan pegawai kerajaan, beliau mungkin mahu melaga-lagakan antara kerajaan dan pegawai kerajaan. Ezam sebenarnya terperangkap kerana Wan Azizah sendiri telahpun membetulkan kenyataan Ezam dengan mengatakan bahawa Anwar memang menyimpan dokumen berkenaan ketika beliau masih menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri lagi.

Kenyataan Wan Azizah mungkin lebih logik kerana beliaulah yang paling rapat dengan Anwar. Sekurang-kurangnya Wan Azizah adalah orang di luar kerajaan yang mungkin mengetahui kandungan sebahagian daripada dokumen

berkenaan. Apatah lagi beliau sendiri mengatakan bahawa ada dokumen berkenaan daripada Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Jika benar sebagaimana didakwa, sebahagian daripada dokumen berkenaan tidak lagi berada di dalam negara tetapi disimpan oleh rakyat Malaysia di luar negara, ia sebenarnya menimbulkan kebimbangan negara. Mungkin ada antara dokumen berkenaan membabitkan soal keselamatan atau strategi negara dalam menangani pengaruh kuasa asing. Jika dokumen berkenaan terlepas ke tangan musuh, bermakna segala rahsia kerajaan akan terbongkar dan pastinya mereka mengetahui kelemahan negara. Dengan ini, lebih mudahlah mereka mahu menjajah negara ini.

Bagi rakyat Malaysia yang menyimpan dokumen kerajaan itu, jika benar sebagaimana didakwa Ezam, mereka sebenarnya turut melakukan kesalahan. Malah, keselamatan mereka juga mungkin terancam jika ada pihak musuh berusaha mendapatkan dokumen berkenaan dari tangan mereka. Oleh itu, sebelum perkara buruk berlaku, adalah lebih baik mereka menyerahkan dokumen berkenaan kepada pihak berkuasa.

(END)